

Headline	ExxonMobil terus menjadi penaja utama Kempas		
Date	01. Apr 2008	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	23
Section	Pendidikan	Article Size	149 cm2
Circulation	217920	Frequency	Daily
Readership	2083000	Color	Full Color



ExxonMobil terus menjadi penaja utama Kempas

EXXONMOBIL Exploration and Production Malaysia Inc (ExxonMobil) terus menjadi penaja utama Kem Pendidikan Alam Semula Jadi (Kempas) peringkat kebangsaan dengan sumbangan RM50,000 bagi menjayakan program itu tahun ini.

Sumbangan diserahkan Pengurus Jabatan Hal Ehwal Awam Subsidiari-subsidiari ExxonMobil, Mokhtar

Daud kepada Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof Dr Tai Shzee Yew, baru-baru ini.

Hadir sama Dekan Fakulti Perhutanan UPM, Prof Madya Dr Awang Noor Abd Ghani.

Mokhtar dalam ucapannya, berkata sumbangan itu adalah komitmen berterusan pihaknya dalam usaha menjana kesedaran pemuliharaan alam sekitar membabitkan generasi muda di negara ini.

FAKTA NOMBOR
Kem Pendidikan Alam Semula Jadi

RM50,000
Jumlah tajaan

5
Hari pertandingan

“Program pendidikan kesedaran pemuliharaan alam sekitar seumpama ini diharap dapat menyedarkan pelajar mengenai kepentingan alam demi kesinambungan kehidupan berkualiti,” katanya.

Kempas 2008 akan diadakan pada 24 hingga 28 Mei ini di Tapak Perkemahan Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong membabitkan pelajar Tingkatan Empat dari seluruh negara.

Ia dianjurkan Fakulti Perhutanan,

UPM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan *Berita Harian*, manakala subsidiari-subsidiari ExxonMobil di Malaysia selaku penaja utama.

Kem berbentuk kegiatan sains lapangan itu diadakan sejak tahun lalu bagi menggantikan Kuiz Alam Semula Jadi yang dianjurkan Fakulti Perhutanan, UPM secara tahunan sebelum ini.

Pelbagai modul kegiatan diatur sepanjang kem berlangsung.